

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

TARIKH : 2.8.2017

RUJUKAN : 10009

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- a) Kedudukan siasatan kes penipuan Laporan Polis No. Repot TG MINYAK /006757/16 Melaka dan berapa orang telah disyaki terlibat dalam kes ini dan berikan nama dan latar belakang mereka; dan
- b) Berapa tangkapan telah dibuat dan bilakah kes ini akan dibawa ke mahkamah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

PDRM telah menerima satu laporan polis berkait Tanjung Minyak Repot 6757/16 bertarikh 14 Disember 2016 di mana pengadu membuat dakwaan telah ditipu sebanyak RM976,300.00 berhubung tawaran pajakan tanah seluas 500 ekar di hutan simpanan kekal, mukim Tanah Merah, Kelantan.

Hasil siasatan PDRM terhadap Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan mengesahkan bahawa permohonan Syarikat AP Barakah Solutions untuk pajakan tanah yang dimaksudkan telah diluluskan. Walau bagaimanapun, tiada sebarang pembayaran yang dibuat oleh Syarikat AP Barakah Solutions kepada Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan bagi maksud tersebut.

Siasatan terhadap kes ini telah dijalankan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan (Penipuan). Seramai 18 orang saksi telah dipanggil memberikan keterangan dan seramai 5 orang telah ditangkap bersabit kes ini.

Kertas siasatan telah dimajukan ke Pejabat Peguam Negara pada 7 April 2017 dan masih lagi dalam tindakan Pejabat Peguam Negara. PDRM tidak berhasrat untuk mendedahkan maklumat suspek memandangkan kes ini masih lagi dalam siasatan.